

AKHBAR : HARIAN METRO  
TARIKH : 09 OKTOBER 2021  
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE  
HARI : SABTU



The image shows a screenshot of a news article from the Metro website. The article is titled "Tiga penuntut UPSI terima sumbangan" (Three UPSI students receive donations). The author is Muhaamad Hafis Nawawi, with the email address mhafis@hmetro.com.my. The main image shows three individuals: a woman in a blue hijab and mask presenting a laptop to a woman in a brown hijab and mask, while a man in a blue shirt and black mask stands between them. A woman in a grey hijab and mask is also present, holding a blue folder. A caption below the image reads "NORAINI menyampaikan sumbangan kepada Amirah." The website header includes the Metro logo, social media icons, and navigation links like UTAMA, MUTAKHIR, GLOBAL, ARENA, RAP/RAPXTRA, BISNES, ADDIN, WM, METROTV, GALERI, INFOGRAFIK, and TOKYO.

Bagan Datuk: Tiga penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terharu menerima sumbangan sempena Program Walkabout Sentuhan Kasih Mahasiswa @ KPT Prihatin yang berlangsung hari ini.

Penuntut terbabit, Nur Afrina Aina Haziman, 20, yang akan melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni dengan Kepujian; Fatin Hazwani Ahmad Darichi, 20, (Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusasteraan Melayu dengan Kepujian) serta Amira Syafika Mohammad Agus, 20, yang akan mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni (Kepujian) akan mendaftar masuk secara dalam talian ke universiti berkenaan pada 11 Oktober ini.

Penuntut terbabit juga bersyukur dan terharu apabila menerima pelbagai sumbangan yang akan memudahkan pembelajaran dan meringankan beban kewangan mereka.

Selain menerima tawaran wang pendahuluan pinjaman (WPP) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mereka juga mendapat sumbangan berbentuk bantuan pelan data, komputer riba selain wang saku sekali gus dapat meringankan beban dan menyuntik motivasi sepanjang pengajian masing-masing.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad ketika menyampaikan sumbangan itu berharap mereka akan belajar dengan tekun dan bersungguh-sungguh sehingga berjaya menggenggam segulung ijazah.

"Saya mendoakan semoga semua pelajar memanfaatkan segala sumbangan ini demi pengajian supaya menjadi graduan yang cemerlang dan hebat," katanya.



Sementara itu, Ibu Nur Afrina, Nur Majdiyah Amin, 41, tidak dapat menahan air mata ketika menyaksikan anaknya menerima sumbangan yang disampaikan Noraini dan berharap anaknya itu menghargai sumbangan berkenaan dengan belajar hingga mencapai kejayaan yang cemerlang.

"Saya tidak menyangka akan menerima sumbangan ini, dan mendoakan Nur Afrina dapat belajar dengan baik dan bersungguh-sungguh demi mengubah nasib dan masa depan keluarga," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, turut melahirkan kesyukuran kerana ketiga-tiga penuntut universiti berkenaan terpilih menerima sumbangan itu.

"Sebagai Naib Canselor, tentunya saya berharap sumbangan ini menjadi pembakar semangat dan motivasi malah memberi fokus terhadap pengajian agar dapat mencipta keputusan terbaik seawal semester pertama.

"Kesusahan dan kepayahan hidup yang dilalui bukan suatu halangan untuk menjadi graduan yang hebat dan cemerlang," katanya.

Beliau berkata, UPSI menyediakan pelbagai kemudahan yang selesa untuk semua pelajar, namun krisis Covid-19 membataskan kehadiran pelajar untuk berada di kampus.

Sumbangan daripada UPSI adalah inisiatif Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) UPSI hasil sumbangan zakat pelbagai agensi korporat.



Pengarah WEZAS, Prof Madya Dr Mohd Abdul Nasir Abd Latif pula berkata, WEZAS mengalunkan pelbagai pihak untuk menyumbang dana kepada pihaknya supaya bantuan dapat disalurkan kepada pelajar yang perlu dibantu demi memenuhi impian mereka melanjutkan pengajian hingga tamat.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/764411/tiga-penuntut-upsi-terima-sumbangan>